



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 12 OKTOBER 2023



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KPDN serbu lokasi transit bahan api di sempadan

DURIAN BURUNG - Pasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Kedah menyerbu tiga lokasi berhampiran pintu sempadan negara dekat sini dan menyita lebih 1,500 liter petrol pada pagi Rabu.

Pengarah KPDN Negeri Kedah, Affendi Rajini Kanth berkata, tiga lokasi tersebut dipercayai dijadikan sebagai transit iaitu tempat simpanan sementara bahan api sebelum di seludup ke negara jiran.

Menurutnya, hasil serbuan pasukan penguat kuasa telah menemui tiga buah kenderaan tanpa tuan diletakkan di kawasan tersebut bersama bekas plastik yang dipercayai diisi petrol.

"Kenderaan-kenderaan berkenaan juga telah diubah suai dan di-

dapati mempunyai tangki tambahan.

"Dua buah kenderaan bernombor pendaftaran Thailand dan sebuah kenderaan bernombor pendaftaran tempatan tersebut telah disita dengan anggaran nilai RM20,000 untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Jelasnya, dua lagi lokasi berhampiran turut ditemui sejumlah bekas plastik dipercayai berisi petrol.

Keseluruhan bahan api yang disita dianggarkan lebih 1,500 liter dengan nilai rampasan kira-kira RM3,100.

"Nilai rampasan keseluruhan sitaan dianggarkan berjumlah RM23,100.

"Serbuan dilakukan berdasarkan aduan daripada penduduk setempat dan juga hasil risikan yang dibuat oleh anggota KPDN sebelum ini," ujarnya.



Hasil serbuan pasukan penguat kuasa KPDN Kedah telah menemui tiga buah kenderaan tanpa tuan diletakkan di lokasi berhampiran pintu sempadan Thailand bersama bekas plastik yang diisi petrol.



Anggota Batalion 7 PGA Kuantan menggagalkan cubaan dua lelaki menyeludup 6,800 kilogram minyak masak pekete di Tanah Merah pada Selasa.

Dua lelaki dicekup cuba seludup 6,800 kilogram minyak masak pekete

TANAH MERAH - Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kuantan menggagalkan cubaan dua lelaki menyeludup 6,800 kilogram (kg) minyak masak pekete selepas menahan sebuah lori di sekatan pintas Lalang Pepuyu, di sini pada Selasa.

Penahanan lori yang dinaiki dua lelaki berusia 20 dan 18 tahun itu dilakukan pada jam 5.30 petang.

Minyak masak pekete tersebut dipercayai untuk diseludup ke negara jiran melalui Sungai Golok.

Kes tersebut kemudian diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan untuk tindakan lanjut.

KDPN Kelantan menerusi Facebook rasminya memberitahu kes akan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Ujarnya, orang-orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan dengan aktiviti ini boleh menyalurkan terus kepada KPDN untuk tindakan lanjut.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**

Oleh Raja Noraina Raja
 Rahim dan Muhaamad
 Hafis Nawawi
 am@hmetro.com.my

PENIPUAN PELABURAN PATUH SYARIAH BABIT KERUGIAN RM1 BILION

SSM selesai jalan siasatan

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sudah melengkapkan kertas siasatan berhubung pendakwaan penipuan pelaburan mendakwa patuh syariah yang membabitkan kerugian mencecah RM1 bilion.

SSM berkata, sehingga 30 September lalu, pihaknya menerima 409 aduan membabitkan beberapa syarikat yang menawarkan skim pelaburan berkonsep saham boleh tebus syariah dari Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia (MHO).

Menurutnya, SSM meneliti setiap aduan dan menjalankan siasatan lengkap dengan merekodkan keterangan daripada pelabur, ejen pelaburan, pengarah dan pegawai syarikat serta individu berkaitan, di samping mendapatkan dokumen tambahan.

"Sebanyak 23 rakaman percakapan dijalankan bagi tujuan ini. Susulan itu, kertas siasatan sudah dilengkapkan dan dihantar kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk pertimbangan dan arahan lanjut," katanya kepada Harian Metro.



LAPORAN Harian Metro, 22 Jun lalu.

Akhbar ini menerusi laporan bersiri bermula 22 Jun lalu mendedahkan 500 orang menjadi mangsa penipuan skim pelaburan patuh syariah dengan nilai kerugian mencecah RM1 bilion.

Syarikat terbabit akan menampilkan diri mereka dengan memakai sut berjenama, mempamerkan kenderaan mewah dan rumah besar serta menunjukkan ciri Islam bagi memperdaya orang ramai

untuk melabur.

Malah bagi meyakinkan pelabur mereka turut menampilkan wajah tokoh agama, pendakwah bebas dan selebriti yang kononnya turut melabur di syarikat terbabit sedangkan perkara itu tidak berlaku.

Susulan laporan eksklusif Harian Metro, SSM yang menerima aduan daripada mangsa membuka kertas siasatan.

Mengulas lanjut, SSM berkata, siasatan juga mendapati syarikat yang ter-

babit dalam kes ini, berdaftar dengan SSM.

"Bagaimanapun, siasatan SSM mendapati, syarikat itu tidak lagi beroperasi semasa siasatan dijalankan.

"Selain itu, SSM ingin menegaskan bahawa skim pelaburan yang ditawarkan oleh syarikat tersebut bukan di bawah bidang kuasa atau diluluskan SSM seperti diperuntukkan di bawah Akta Skim Kepentingan 2016," katanya.

Katanya, maklumat berhubung skim kepentingan yang berdaftar dengan SSM boleh disemak di Portal SSM di Senarai Terkini Skim Kepentingan Berdaftar - All Items (ssm.com.my).

"Pihak SSM menyarankan orang awam yang ingin membuat pelaburan mengambil langkah berhati-hati dan membuat semakan lanjut (*due diligence*) terlebih dahulu ke atas skim pelaburan yang ditawarkan sama ada pelaburan itu telah berdaftar dengan mana-mana agensi kerajaan/penguatkuasaan sebelum menyertainya.

"Skim pelaburan yang menjanjikan pulangan pe-

laburan yang tinggi atau pulangan yang tidak munasabah seharusnya dikaji dan mendapatkan nasihat daripada agensi yang berkaitan sebelum pelaburan dibuat dalam skim berkenaan," katanya.

Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman sebelum ini turut mengesahkan mengesan kewujudan pelbagai iklan pelaburan saham Islamik dan patuh syariah secara berleluasa di platform media sosial dengan 186 kes disiasat membabitkan jumlah kerugian RM5.4 juta.

INFO

● Harian Metro menerusi laporan bersiri bermula 22 Jun lalu mendedahkan 500 orang menjadi mangsa penipuan skim pelaburan patuh syariah

● Syarikat turut menampilkan wajah tokoh agama, pendakwah bebas dan selebriti yang kononnya turut melabur di syarikat terbabit



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 12 OKTOBER 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
12-Oct	KPDN endorses partnership between Lazada and association of direct sellers	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/10/965888/kpdn-endorses-partnership-between-lazada-and-association-direct-sellers	NST
12-Oct	KPDN patahkan cubaan seludup 1,500 liter petrol ke Thailand	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/10/1163831/kpdn-patahkan-cubaan-seludup-1500-liter-petrol-ke-thailand	BH
12-Oct	Padah simpan stok minyak diesel melebihi had	https://www.sinarharian.com.my/article/628765/edisi/kelantan/padah-simpan-stok-minyak-diesel-melebihi-had	SH
12-Oct	Padah simpan stok diesel tanpa kebenaran	https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/padah-simpan-stok-diesel-tanpa-kebenaran/	UM
12-Oct	KPDN serbu lokasi transit sorok bahan api di sempadan	https://www.sinarharian.com.my/article/628761/edisi/utara/kpdn-serbu-lokasi-transit-sorok-bahan-api-di-sempadan	SH
12-Oct	Dua lelaki dicekup, cuba seludup 6,800kg minyak masak paket	https://www.sinarharian.com.my/article/628654/berita/semasa/dua-lelaki-dicekup-cuba-seludup-6800kg-minyak-masak-pek	SH